

# PENGHAYATAN DRAMA DI SEKOLAH

**MOHD ROSLI BIN SALUDIN**  
*Fakulti Bahasa dan Komunikasi*  
*Universiti Pendidikan Sultan Idris*

## PENDAHULUAN

Drama adalah kisah yang didramatisasi dan ditulis untuk dipertunjukkan di atas pentas oleh sejumlah pemain. Dalam hubungannya dengan istilah lakon, drama diertikan sebagai ragam kesusasteraan yang tersaji dalam bentuk teks atau naskhah, menggunakan bentuk cakapan (*baik ekacapak atau multicapak*), bertujuan menggambarkan kehidupan manusia melalui perwatakan tokoh, menggunakan pertikaian, emosi dan ekspresi lewat lakuan dan gerak. Biasanya sebuah lakon dirancang untuk dipentaskan, baik dipanggung, radio, televisyen ataupun filem. Istilah lain drama adalah *lakon, sandiwara* atau *tonil*.

Perkataan '*drama*' sebenarnya berasal daripada bahasa Yunani, yang bererti '*gerak*' dan '*gerak*' itupun sebenarnya bukanlah sebarang '*gerakan tubuh badan*' tetapi '*gerakan yang halus*'. Tegasnya gerakan yang seni membawa unsur-unsur keindahan dan keseronokan. Justeru itulah drama di Greek atau Yunani, dihubungkan dengan gerakan tarian dan nyanyian. Jelaslah drama ialah gerakan yang berisi tarian, nyanyian, lakonan dan ada cerita, sama ada yang bersifat simbolik atau jelas (Mana Sikana, 1985:1).

Menurut Kamarudin Husin (1988:70), drama adalah jenis kesusasteraan yang tergolong ke dalam bentuk cereka. Perkataan drama itu sebenarnya berasal daripada bahasa Yunani yang bermaksud '*laku*' atau '*perbuatan*'. Dalam bahasa Inggeris, ia disebut *action*. Drama pada satu ketika dahulu lebih dikenali sebagai sandiwara.

Drama juga merupakan karya sastera yang tercipta untuk dilakonkan di pentas atau lain-lainnya oleh pelakon. Drama juga biasanya menggambarkan kehidupan secara mendedahkan pertikaian dan emosi melalui aksi dan dialog. Contohnya drama "*Tamu*

*di Bukit Kenny*" oleh Usman Awang dan "*Bukan Lalang Ditiup Angin*" oleh Noordin Hassan (Hashim Awang, 1987:16).

Drama merupakan lakaran peristiwa yang disedut daripada alam fantasi dan imaginasi. Peristiwa itu boleh juga diambil daripada situasi yang terdapat dalam masyarakat, isu sosial atau petikan daripada unsur-unsur pelajaran di sekolah.

Sebuah drama, seperti juga sebuah cerpen, mempunyai sebuah cerita dengan watak-watak dan kejadian-kejadiannya. Namun, dalam sebuah drama, satu kejadian tidak diceritakan oleh pengarang, tetapi 'ditayangkan' di hadapan pembaca melalui satu babak dalam mana diperdengarkan ucapan dan diperlihatkan tingkah laku watak-watak berkenaan dalam satu situasi atau *setting*. Oleh itu, peristiwa-peristiwa dalam drama disampaikan secara langsung kepada pembaca seolah-olah pembaca sendiri menyaksikannya. Kesannya, seorang pembaca drama berkemungkinan besar lebih mudah terpengaruh oleh perkembangan cerita dalam sebuah drama hinggakan dia turut mengalami emosi watak-watak berkenaan.

Pendek kata, drama seperti juga novel dan cerpen, mempunyai banyak potensi sebagai bahan sastera berguna di sekolah. Kejayaan guru akan bergantung kepada kebolehannya untuk memilih drama yang sesuai isi dan bahasanya untuk pelajar-pelajar, serta kecekapan guru untuk menggunakan seluas mungkin daya imaginasi pelajarannya dan melibatkan pelajar secara aktif dalam pelbagai aktiviti bahasa yang bersabit.

Walaupun drama tidak popular untuk dijadikan bahan pengajaran berbanding novel, puisi dan cerpen, namun ia masih mempunyai keunikan tersendiri yang berpotensi luas sebagai wahana perkembangan sosial, intelek dan bahasa seseorang pelajar dalam kemahiran bertutur (Kamarudin Husin, 1998:110).

Sesungguhnya belajar sambil bermain adalah suatu konsep di dalam pendidikan yang dapat menggalakkan murid cenderung untuk belajar, kerana pembelajaran menjadi menarik dan penuh bererti. Bayanglah bagaimana bosannya sesuatu pelajaran yang formal kepada murid yang tidak dapat menghubungkan apa yang dipelajari dengan kehidupan biasanya.

Drama di sekolah bukan sahaja dapat mengajar bahasa, malah juga mengajar kemahiran sosial dan sikap seperti kerjasama, inisiatif, kreativiti, kesedaran terhadap sesuatu masalah tertentu dan berbagai lagi yang tidak mungkin diperolehi daripada kurikulum formal persekolahan kita. Kemahiran-kemahiran ini penting bagi pertumbuhan fizikal, mental dan emosi seseorang pelajar.

## **PENGERTIAN PENGHAYATAN DRAMA DI SEKOLAH**

Drama sebagai salah satu genre sastra di sekolah selalu dianggap mempunyai perbezaan dengan bentuk ekspresi dan komunikasi pengkaryaan seni lainnya, dan ini disebabkan alat penghubungnya semata-mata bergantung kepada dialog. Dialoglah yang mengeksposisikan persoalan, menimbulkan krisis, melonjakkan plot dan mengidentifikasikan perwatakan. Tanpa diizinkan mengaplikasikan unsur-unsur naratif, deskriptif dan komentar langsung daripada dramatisnya, dialog ditugaskan untuk mencerna, mengadun dan mengolah semula komponen pendramaannya sehingga lahir sebuah hasil seni. Tegasnya kejayaan, malah kekuatan sesebuah drama itu terletak pada dialog.

Dialog sebenarnya ialah bahasa. Daripada pengerjaan seorang penulis untuk menyuguhkan cerita dan pemikiran kepada khalayaknya, ia akan mencuba mengeksplotasi segala dimensi dan unsur-unsur bahasa supaya karyanya itu dapat diapresiasi dan dihayati. Lazimnya penulis yang kuat daya persepsi dan sensitivitinya, serta penuh bakat dan berdedikasi akan memberikan perhatian yang cukup terhadap penggunaan bahasanya. Tidak kurang pula ia akan mencuba mencipta gayanya sendiri dan memperlihatkan kesungguhannya menguasai, mengawal dan bereksperimen dalam sudut gaya ini (Mana Sikana, 1985:133).

Penghayatan drama di sekolah bermaksud apresiasi ke atas karya sastra berbentuk drama sebagai hasil pengenalan, pemahaman, penafsiran dan penikmatan yang didukung oleh kepekaan batin terhadap nilai-nilai yang terkandung dalam karya sastra. Setiap penghayatan memerlukan kepekaan batin untuk mengenal, memahami dan menafsirkan nilai-nilai yang terkandung dalam karya drama.

Drama mempunyai nilai seni apabila pengalaman jiwa yang menjadi dasarnya dapat dijemakan ke dalam kata. Penjelasan ini membuktikan bahawa kata atau bahasa adalah alat untuk menimbulkan penghayatan yang berkaitan dengan hakikat keindahan dan seni.

Dalam bidang pendidikan, drama merupakan suatu alat yang memungkinkan perkembangan sosial, intelek dan bahasa seseorang pelajar. Drama mewujudkan keperluan untuk bertutur. Dengan itu drama merupakan satu teknik atau bahan yang sesuai digunakan untuk memperkembangkan kemahiran berbahasa pelajar-pelajar.

Pengkaji-pengkaji bidang pendidikan di Barat telah menemui hubungan drama dalam pendidikan dan menyatakan bahawa drama memainkan peranan penting dalam pendidikan. Drama digunakan sebagai suatu saluran atau alat dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Pentingnya pendidikan melalui media ini dinyatakan oleh Mc Caslin (1984) dalam bukunya *Creative Drama in The Classroom*, seperti berikut:

*The use of drama as a teaching tool is not new, historically, both drama and theatre have long been recognised as potent means of education and indoctrinations.*

(Mc Caslin, 1984: 286)

Drama dikatakan dapat berfungsi untuk memenuhi hasrat falsafah pendidikan negara kerana aktiviti drama menuntut kerjasama dalam kalangan para pelajar yang mengambil bahagian. Drama juga melibatkan pengalaman, oleh itu ia memerlukan kebolehan intelektual yang tinggi. Drama juga mengajak para pelajar meneroka kebenaran dengan menghayati sesuatu kenyataan yang baru. Drama juga dapat melatih para pelajar agar berdisiplin, patuh kepada kumpulan dan mengamalkan sikap menghargai kebolehan orang lain.

### **CARA-CARA PENGHAYATAN DRAMA DI SEKOLAH**

Penghayatan drama di sekolah sebenarnya adalah bersifat didaktik, iaitu mengajarkan yang benar, indah, harmonis, sempurna yang membuat pelajar mengenal hakikat dirinya dan mengenal Allah. Penghayatan yang bersifat didaktik bukanlah suatu propaganda, tetapi yang mencerminkan kebijaksanaan sejagat yang dapat dimanfaatkan oleh semua pelajar sepanjang zaman. Penghayatan drama ini akan memperhalus cita rasa pelajar dalam menikmati seni drama sehingga dia dapat membezakan kebenaran dengan kepalsuan, dan dapat melihat dengan jelas perbezaan di antara *style* dengan *retorik* dalam seni drama.

Ada dua cara mendekati atau menghayati drama. Cara pertama atas dasar karya sastera. Cara kedua didekati atas dasar pementasan atau *teatrikal*. Cara pendekatan pertama menggunakan analisis struktur karya sastera, misalnya mengenai tokohnya, perkembangan alur dramatikanya, latar, gaya dan konflik. Cara kedua menggunakan pendekatan tekstur, dalam hal ini melibatkan unsur-unsur teater yang lain, misalnya tata panggung (*dekorasi*), tata pakaian (*kostum*), tata rias (*make up*), tata suara, tata lampu, tata pementasan, penonton, pemain dan sutradara. Unsur-unsur teater ini akan mendukung keberhasilan sebuah pementasan sehingga dapat disebut seni pertunjukan yang lengkap dan sempurna (Puji Santosa, 1996: 121).

Dalam menjayakan penghayatan drama di sekolah terutama untuk pengajaran pembelajaran, guru-guru yang terlibat perlu mempunyai inisiatif untuk mencari persoalan-persoalan yang lebih menarik yang dapat menaikkan semangat dan minat pelajar untuk berlakon. Tanpa usaha penggerak dan peransang daripada guru-guru, pelajar-pelajar yang pemalu mungkin merasakan aktiviti drama suatu beban yang amat

berat dan membosankan mereka. Guru-guru haruslah memilih bentuk aktiviti yang mudah untuk dilakukan oleh pelajar-pelajar dan menanamkan sikap ingin mencuba melakonkan sesuatu watak yang biasa kepada mereka.

Guru perlu menentukan peranan pelajar dalam menjalankan aktiviti drama di sekolah terutama dalam kelas. Antara peranan yang utama ialah pelajar sebagai pelakon dan guru-guru menentukan pelakon-pelakon berdasarkan keperluan cerita. Pelajar sebagai pembantu dan guru menentukan tugas-tugas pelajar seperti menjadi pencerita, pembaca skrip dan pembantu alatan. Pelajar sebagai penonton dan guru menyediakan tugas-tugas sebagai penonton seperti mencatat apa yang berlaku dan membuat rumusan di samping menjadi penonton yang teliti dan berdisiplin.

Jika kita hendak menghayati seni drama maka kita mestilah mengetahui bagaimana cara untuk melakonkannya sekali. Seorang guru contohnya, mestilah menguasai kemahiran pengarahan sehinggalah menjadi seorang pelakon yang baik. Di sekolah, jika guru mempunyai kemahiran ini, seni drama sudah pasti akan begitu menarik. Berikut adalah asas-asas dalam seni drama:

- Perlu ada aktiviti pemanas badan
- Latihan vokal dan konsonan
- Senaman pernafasan
- Latihan memek muka
- Lakonan di kawasan lapang
- Latihan penampilan diri di tengah bulatan rakan
- Latihan berbagai emosi (suka, murung, ketawa, marah dan sebagainya)
- Beraksi tanpa suara
- Aktiviti rasionalisasi
- Latihan pergerakan badan

Pengendalian aktiviti drama di sekolah mempunyai cara, langkah dan teknik yang tersendiri. Ia tidak memerlukan skrip yang formal atau peralatan pementasan yang lainnya. Namun beberapa persediaan asas perlu disediakan yang meliputi perkara-perkara berikut:

### **Drama Dapat Dijalankan di Bilik Darjah**

Penekanan aktivitinya tidak terletak pada kebolehan berlakon atau menulis skrip, namun tidak dinafikan kebolehan berlakon dapat menjayakan kaedah ini. Bahannya boleh

disediakan oleh guru atau para pelajar sendiri seperti dialog-dialog, keratan-keratan atau petikan daripada drama atau bahan rakaman kaset atau video. Semua pelajar boleh mengambil bahagian. Boleh dipecahkan kepada beberapa kumpulan. Suasana berirama haruslah dihidupkan terlebih dahulu tetapi sebaiknya tidak dijalankan secara formal.

### **Kepentingan Penghayatan Drama di Sekolah**

Drama yang menggembelng hampir kesemua seni yang lain merupakan tali penghubung atau merupakan titian daripada aspek fizikal dan material kepada perkara-perkara estetika dan emosi. Melalui kegiatan drama pelajar akan dapat memenuhi kehendak-kehendak *spiritual* iaitu nilai estetika dan nilai emosi. Pelajar boleh bertukang mengikut daya kreatif sendiri sambil melepaskan perasaan menerusi pengucapan yang bebas daripada segala sekatan, merasakan dan melahirkan perasaan daripada apa yang berlaku dan dilakukan dan sebagainya (Saparman Bakri, 1982: 76-77).

Segala kehendak-kehendak tersebut hanya boleh didapati daripada aktiviti-aktiviti drama, dan hanya dalam aktiviti drama sahajalah segala perlakuan dan tindakan nalurinya tidak dianggap abnormal. Batasan kepada ekspresi diri ialah infiniti iaitu suatu titik yang tidak dapat ditentukan secara ukuran matematik tentang jauh dekatnya atau dalam tohonya. Ertinya tidak ada batasan yang menjadi sekatan kepada segala perlakuannya.

Dari sudut emosi ini drama dapat memberikan pengetahuan yang seimbang untuk menambahkan pengalaman diri kepada pelajar di sekolah. Mereka akan dapat memahami dan mengenali sebab-sebab dan faktor-faktor penggerak sehingga sesuatu itu berlaku. Pada kebiasaannya sesuatu tindakan bagi melahirkan sesuatu perkara itu terbit dari emosi tanpa kawalan. Setelah memberi perhatian, pengamatan dan penyelidikan kepada sesuatu perkara atau perlakuan yang dikaji, maka pelajar itu akan sentiasa dapat menerima akan kelemahan manusia.

Mereka akan berfikiran lebih matang dan lebih waras kerana manusia tidak akan terlepas daripada kelemahan-kelemahan. Kelemahan ini boleh diatasi dengan semangat yang kuat dan menguatkan tekad untuk berjaya dalam hidup. Akhirnya mereka tidak akan sentiasa latah dalam hidup kerana sudah berpengalaman. Mereka juga akan dapat mengawal serta menguasai emosi masing-masing.

Banyak nilai-nilai yang boleh ditimba oleh pelajar melalui penghayatan drama ini dan ianya boleh dijadikan pengajaran dalam menempuh kehidupan seharian. Contohnya dalam drama 'Baju Emas Sang Maharaja' karya Johan Jaafar, mempunyai nilai-nilai hormat menghormati dan ini ditunjukkan oleh watak Nelayan Tua. Semasa bertemu Pertapa, Si



Anak menunjukkan sikap biadap kepada Pertapa. Perlakuan ini ditentang oleh Nelayan Tua. Ketika inilah menggambarkan Nelayan Tua menghormati Pertapa dengan memohon maaf bagi pihak anak.

Wujud juga nilai amanah yang boleh kita jadikan contoh kepada para pelajar, terutama pada watak Pertapa yang menjaga baju emas Sang Maharaja selama beberapa tahun. Pertapa sanggup dan setia untuk menjaga baju emas Sang Maharaja.

Nilai kasih sayang pula ditunjukkan oleh Nelayan Tua kepada anaknya. Contohnya, Nelayan Tua tetap menyayangi anaknya walaupun anaknya bersikap biadap terhadapnya.

Dipaparkan juga nilai taat akan perintah agama. Pemakai baju emas perlu ada nilai-nilai baik yang dianjurkan oleh agama iaitu harus kuat hati dan semangat, kuat iman dan keyakinan, kuat pegangan dan iktikad, kuat rohani dan jasmani, serta kuat menerima dugaan dan kuat kesabarannya. Bila Si Anak tiada mempunyai nilai-nilai ini ia terpaksa memulangkan kembali baju emas tersebut.

Daripada sudut intelek pula drama dapat mendorong pelajar di sekolah dalam memerhati, menilai dan menganalisis sesuatu perkara. Mereka harus dapat merasakan perasaan yang dilahirkan melalui dialog-dialog drama dan mengambil satu tindakan positif terhadap lakonan yang bakal dipersembahkan. Lanjutan daripada pengetahuan memerhati itu akan terbawa-bawa dalam kerja-kerja menelaah pelajaran di sekolah. Belajar bukan setakat menghafal sesuatu kemudiannya diluahkan kembali apabila tiba masanya seperti ujian-ujian. Apa yang dituntut adalah tentang kefahaman yang mereka dapati daripada pemerhatian, penilaian dan penganalisan tentang sesuatu isi pelajaran yang diberikan oleh gurunya.

Nilai intelek akan lahir apabila melalui karya itu timbul suatu kefahaman tentang hakikat persoalan dan pemikiran drama itu. Semuanya itu mempunyai nilai ilmu yang tinggi kepada pelajar, iaitu yang baik dijadikan panduan dan yang buruk dijadikan sempadan. Setiap persoalan dan pemikiran akan menjadi bahan pemikiran kepada pelajar.

Drama "Serunai Malam" karya Usman Awang misalnya menyerlahkan pemikiran mengenai pertentangan pandangan manusia kesan perbezaan latar belakang hidup masing-masing. Sebahagian orang memandang tinggi kepada mereka yang dapat melanjutkan pelajaran ke luar negeri. Manakala sebahagian orang lagi memikirkan adalah lebih baik melanjutkan pelajaran di dalam negeri.

Pemikiran drama ini seterusnya berkisar kepada nilai pekerjaan seseorang. Ramai ahli masyarakat yang meletakkan bidang pentadbiran seperti pegawai tadbir (D.O.) lebih

tinggi berbanding dengan dunia perguruan walaupun masing-masing adalah lulusan universiti.

Banyak persoalan drama ini yang boleh menjadi renungan ilmu kepada pelajar, misalnya tentang perbezaan pandangan hidup orang kota dan orang desa. Umar berasal dari desa sementara Safiah dari kota. Perbezaan latar ini menyebabkan Umar lebih gemar untuk kembali bertugas di desa berbanding Safiah yang dibesarkan di bandar dan tidak minat untuk tinggal di kampung apabila telah berumahtangga.

Terdapat juga persoalan pandangan hidup golongan muda dan golongan tua. Ibu Safiah walaupun tinggal di bandar namun ia adalah warisan generasi lama apabila kurang mahir mengenai apakah konvokesyen. Orang tua yang diwakili oleh watak Majid (bapa Umar) amat menjaga waktu solat, apabila masuk sahaja waktu dia terus bersolat.

Manakala Umar dan Safiah masih berbual-bual walaupun mereka tahu telah masuk waktu solat. Bagi ayah Umar pakaian yang dipakai oleh Safiah tidak sesuai. Tetapi Umar tidak merasakan bahawa pakaian tunangnya yang seperti bungkus nangka menurut pandangan bapanya itu tidak menyenangkan bapanya.

Dapat juga difikirkan tentang cara pergaulan hidup orang dalam alam pertunangan. Hidup orang dalam pertunangan memang sewajarnya mesra. Tetapi cara yang ditunjukkan oleh Safiah dan Umar dengan berpegangan tangan sebelum diijabkabul adalah dilarang oleh agama Islam. Namun hal sebegini seolah-olah menjadi lumrah bagi kebanyakan pasangan kekasih.

Seterusnya dapat juga difikirkan tentang persoalan pandangan hidup mengenai bidang pentadbiran dan perguruan. Safiah memandang bahawa kerjaya sebagai pegawai tadbir lebih menarik berbanding dengan bidang perguruan. Bagi Umar pula ia lebih meminati bidang perguruan atas sifatnya yang mahu berkhidmat ke atas anak bangsa di tanah air sendiri.

Akhir sekali boleh juga diketahui tentang persoalan keinginan hidup di luar negeri. Kegemaran tinggal di luar negeri menjadi kebanggaan sesetengah orang. Mereka memandang hal ini sebagai satu ukuran status seseorang. Biasanya pandangan sebegini adalah kegemaran golongan elit dan hal ini sesuai dengan Safiah yang boleh dikatakan berada di dalam kelompok sebegini.

Dalam bidang sosial pula, pelajar-pelajar yang semula jadi suka kepada kawan itu akan merasakan kemesraan di antara satu sama lain. Hal ini berlaku kerana di antara mereka telah ada semacam penyesuaian diri dan saling memahami serta dapat bertolak ansur. Keperluannya adalah besar kerana mereka harus bekerja dalam kumpulan dengan



ahli kumpulan yang sama buat beberapa waktu. Dengan itu segala kepentingan diri harus diketepikan.

Mungkin dalam pergaulan biasa atau ketika mengadakan gerak kerja drama, terdapat pelajar daripada berbagai keturunan bangsa yang berlainan. Setiap individu itu seharusnya mengikut akan tuntutan ramai dalam erti kata memahami kehendak setiap ahli masyarakat, seperti kebudayaan dan agamanya. Daripada keadaan yang demikian kita dengan secara tidak langsung telah memasukkan didikan sosiologi yang seterusnya membawa kepada pendirian demokrasi yang tulen itu tanpa memandang tempat dan kedudukan seseorang.

Rahmah Bujang (1980: 25): *Drama dalam Pengajaran*, dalam Azman Wan Chik, *Sastera dan Drama Melayu dalam Pendidikan* pula menyenaraikan tujuan penghayatan drama di sekolah:

1. Melatih dan membekalkan pelajar ke arah mempercayai kebolehan/bakat diri sendiri (berdikari).
2. Melatih dan membekalkan pelajar ke arah pembentukan pemikiran yang lebih aktif dan kreatif.
3. Membina kesedaran murid bahawa mata pelajaran yang diajar di sekolah itu adalah saling berkait satu sama lain.
4. Membantu menambahkan lagi daya pemikiran pelajar-pelajar yang lemah dan mempermajukan lagi daya pemikiran pelajar yang cergas.
5. Melatih pelajar mengamati penggunaan sepenuhnya segala pancaindera mereka dengan baik.
6. Melatih pelajar memahami segala aspek penghidupan sebelum mereka berada dalam keadaan yang benar.
7. Melatih dan menggalakkan pelajar membuat keputusan sendiri ke atas apa-apa masalah dalam jangka waktu yang diberikan.
8. Melatih dan menggalakkan pelajar menggunakan bahasa yang sesuai dalam keadaan yang betul/tertentu.
9. Menanam semangat kerjasama dan saling mempercayai dalam suasana muhibah di antara kaum/keturunan.
10. Melatih pelajar menimbang dan menghormati pendapat orang lain dengan baik.
11. Melatih dan melahirkan pelajar menyebut perkataan dengan jelas dan betul (*speech training*).
12. Melatih dan membina pemikiran pelajar secara kritis.

Matlamat pendidikan negara adalah untuk meningkatkan potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk mewujudkan insan yang baik serta sempurna kerana dengan cara itu ia dapat mewujudkan keharmonian dan kemakmuran masyarakat dan negara. Di sekolah, drama merupakan satu kaedah yang sesuai kerana dapat memberi peluang kepada pelajar belajar secara bermain. Belajar secara bermain merupakan suatu konsep dalam pendidikan yang dapat menggalakkan pelajar-pelajar cenderung untuk belajar dan merupakan stimulasi yang baik bagi pelajar-pelajar berlatih bercakap dalam bahasa Melayu baku.

Pihak guru boleh mempraktikkan teknik drama dalam bilik darjah ketika menjalankan pengajaran kerana kehadiran teknik seperti ini dapat menghidupkan situasi bilik darjah, di samping memberi penekanan terhadap nilai-nilai pendidikan kesenian, sikap toleransi, kerjasama dan sebagainya. Keadaan ini dapat membantu menerapkan pelbagai kemahiran dan kepandaian yang boleh disemai dan dipupuk dalam kalangan pelajar. Kebenaran ini disokong oleh Donald Lightwood (1974:8):

*It is the making of drama that has the most to contribute to the development of children, and its importance is such that it should have a regular place at all stages. By being provided with opportunities for self expression, the child is given an outlet for his feeling and helped to gain some control over his emotions.*

Aktiviti-aktiviti penghayatan drama yang sesuai boleh digunakan untuk melatih para pelajar mencapai tahap kematangan diri dengan cepat. Dengan cara ini mereka lebih dapat mengenali diri, budaya dan masyarakatnya.

Azman Wan Chik (1981:88) pula menyatakan bahawa drama dapat menyokong penggunaan pelbagai kepandaian dan kemahiran seperti bahasa, kesusasteraan, bercakap dengan irama, menghafal, menghilangkan tabiat malu, pelajaran gerak irama, menyanyi, menyesuaikan hati dengan fikiran, rasa dan tenaga dan berbudi bahasa.

Jadual waktu yang begitu padat dalam KBSR dan KBSM tidak memberi banyak peluang kepada pelajar untuk menghilangkan rasa bosan. Para pelajar dalam peringkat umur ini memerlukan pergerakan yang boleh melapangkan fikiran dan menghilangkan kebosanan. Penghayatan drama boleh memenuhi keperluan ini kerana teknik drama membawa situasi pengajaran pembelajaran yang kurang kongkongan, tidak formal dan menggalakkan penglibatan secara langsung dan secara aktif di kalangan pelajar. Dengan ini, proses pengajaran dan pembelajaran akan menjadi lebih menarik, menyeronokkan dan berkesan.

Sebenarnya, penghayatan drama dalam pendidikan ialah aktiviti harian dalam pembelajaran bahasa dan kesusasteraan seperti lakonan, berdialog, main peranan, perbincangan, simulasi dan sumbangsaran yang berasaskan idea, cerita atau bahan-bahan bacaan yang ada dalam pengalaman dan pengetahuan para pelajar. Walaupun ia bersifat persembahan, yang perlu hanyalah persembahan sebuah adegan atau satu sketsa pendek yang dipetik daripada mana-mana skrip drama atau bahan yang diambil daripada peristiwa-peristiwa harian yang berlaku di sekitar kehidupan harian para pelajar. Persembahan ini disaksikan oleh sekumpulan rakan sedarjah atau sekadar persembahan dalam kelas sewaktu pengajaran dijalankan.

Penghayatan drama di sekolah memberi peluang kepada pelajar untuk menggunakan watak atau personalitinya yang tersendiri dalam mewujudkan bentuk bahasa yang diperlukan. Drama mencungkil bakat semula jadi seseorang pelajar dalam meniru, menggayakan, melakonkan dan mengeluarkan perasaan melalui gerak-geri dan bahasa yang sesuai. Aktiviti ini membolehkan pelajar membayangkan dan mengingati semula peristiwa yang pernah berlaku serta menghidupkan pengalaman silam.

## **MASALAH**

Penulis mempunyai beberapa pengalaman di sekolah dan pusat pengajian tinggi tentang penghayatan drama ini. Di sekolah, masalah besarnya guru tiada kemahiran untuk membuat penghayatan drama di sekolah. Mereka masih terikat dengan teknik menyumbatkan ilmu di mulut pelajar, berlumba-lumba untuk menghabiskan sukatan pelajaran, menggunakan bantuan buku ulasan dan terkongkong dengan sikap untuk lulus periksa sahaja. Kesannya nilai-nilai baik yang boleh dipelajari melalui penghayatan drama di sekolah gagal diterapkan.

Guru juga masih terikat dengan suasana dalam kelas sahaja dalam mendidik pelajar, terutama dalam menghayati drama. Penghayatan drama ini boleh dibuat di mana-mana sahaja kawasan sekolah termasuk di padang dan juga tempat yang selesa bagi pelajar untuk belajar. Suasana yang berlainan setiap hari boleh menarik minat pelajar untuk memahami apa yang diajar.

Pihak pentadbiran sekolah mempunyai sikap yang prajudis terhadap aktiviti penghayatan drama di sekolah kerana dikhuatiri sukatan pelajaran tidak akan dapat ditamatkan. Di samping itu suasana bising dalam kelas semasa aktiviti penghayatan drama dikatakan mengganggu kelas lain untuk belajar.

Guru-guru tidak mahu meluaskan ilmu yang ada pada diri masing-masing dan setiap tahun masih terikat dengan cara pengajaran yang sama. Aktiviti kesusasteraan terutama

persembahan drama dan teater yang ada tidak diambil kesempatan untuk menimba pengalaman. Guru-guru tidak sepatutnya berkhayal dengan berteori sahaja. Dunia sekarang juga mementingkan praktikal dalam mendidik pelajar di sekolah. Berpijaklah kita dalam dunia yang nyata.

Penghayatan drama di sekolah jarang mendapat sokongan yang padu daripada rakan-rakan guru yang lain, dan guru-guru yang mahu menjalankan penghayatan drama di sekolah jadi keseorangan. Bila ada pertandingan drama yang mahukan wakil daripada pihak sekolah jadilah guru yang berminat terkapai-kapai terutama dalam menghadapi masalah pengurusan serta kewangan.

Kurang pemahaman dengan dasar Kementerian Pelajaran membuatkan pihak sekolah memfokuskan kepada kegiatan untuk cemerlang dalam peperiksaan sahaja. Aktiviti yang dikatakan membuang masa akan diketepikan sahaja dan membuatkan guru yang berminat hilang semangat untuk melaksanakannya.

Di pusat pengajian tinggi penulis sempat mengajar kertas drama dan kertas amali seni lakon dan teater. Apa yang boleh dibuat tanggapan bahawa bakal-bakal guru agak malu untuk menunjukkan bakat jika tidak melibatkan markah. Apabila ada markah barulah mereka akan cuba sedaya upaya. Beberapa tahun yang berikutnya sebelum penulis menyambung belajar ke peringkat Phd, ramai bakal guru yang tidak mahu mengambil kertas ini dengan alasan menyusahkan, tidak mahu banyak kerja dan tidak mahu berlakon. Mereka lebih senang mencari kertas yang tidak banyak cabaran. Tidak hairanlah apabila kembali di sekolah, mereka tidak tahan pada cabaran dan lebih bersikap katak di bawah tempurung.

Satu daripada kecacatan yang berlaku dalam pengajaran sastera dan bahasa adalah apabila guru yang mengajarnya terlatih dalam mata pelajaran lain tetapi disuruh mengajar mata pelajaran bahasa dan sastera termasuk untuk penghayatan drama. Maka berlakulah kemalangan yang amat besar kepada bukan sahaja pengajaran tetapi juga pendidikan bahasa dan sastera.

Guru-guru sastera dan bahasa yang terlatih itu boleh dikategorikan kepada beberapa. Antaranya ialah guru yang lebih berminat mengajar tentang sastera dan bahasa tetapi bukan karya sastera dan bahasa itu sendiri. Beruntunglah pelajar yang mendapat guru terlatih sastera dan bahasa yang dapat menghidupkan karya-karya sastera dan bahasa yang diajarnya.

## **SARANAN**

Kementerian Pelajaran telah menyediakan kemudahan dewan sekolah yang begitu canggih serta lengkap dengan berbagai kemudahan, dan adalah dicadangkan supaya pihak

sekolah menggunakan kemudahan ini dengan sebaik-baiknya. Aktiviti penghayatan drama sepatutnya kerap diadakan di dewan ini. Jangan diadakan secara bermusim sahaja. Buatlah satu perancangan yang lengkap demi kebaikan akademik dan bukan akademik pelajar.

Pihak aktivis teater sepatutnya turun ke peringkat akar umbi, terutama sekolah untuk membuat bengkel dan persembahan secara tersusun dan terancang. Janganlah syok sendiri dengan kumpulan masing-masing sahaja. Apabila ini boleh dijalankan dengan baik maka kegiatan teater akan lebih rancak dan mempunyai khalayak yang menyeluruh, tidaklah khalayaknya orang yang sama sahaja pada setiap persembahan dan bengkel.

Sekolah yang sudah tinggi tahap penghayatan dramanya boleh merancang dengan baik untuk membuat persembahan di dewan sendiri dan ini boleh diambil kesempatan untuk mengisi tabung pelajar untuk kepentingan akademik dan bukan akademik. Persembahan daripada kumpulan luar yang ternama juga boleh memberi pulangan yang baik juga.

## **KESIMPULAN**

Penghayatan drama di sekolah boleh digunakan pada bila-bila masa yang sesuai dalam proses pengajaran pembelajaran. Aktiviti ini boleh memenuhi keperluan berikut iaitu menarik minat dan tumpuan pelajar terhadap pelajaran dalam suasana pembelajaran yang menyeronokkan. Contohnya, seorang pelajar boleh menggunakan teknik mimos untuk mencetuskan perbincangan.

Penghayatan drama boleh menjadi aktiviti fokus dalam sesuatu pengajaran. Ini boleh dilaksanakan melalui pemilihan bahan sama ada bahan sastera atau bukan sastera seperti sejarah, sains, agama, seni dan budaya. Penghayatan drama dalam pengajaran bahasa dapat dijadikan sebagai aktiviti pengukuhan terhadap pembelajaran yang telah berlaku. Contohnya setelah mengajar makna perumpamaan, pelajar diminta melakonkan satu peristiwa untuk menerangkan maksud perumpamaan itu.

Penghayatan drama merupakan salah satu teknik belajar yang menggalakkan penglibatan pelajar secara aktif. Oleh itu teknik ini sesuai digunakan sebagai aktiviti pemulihan. Aktiviti penghayatan drama boleh digunakan sebagai suatu cara penilaian formatif dalam pengajaran bahasa. Contohnya, pembacaan skrip yang menunjukkan intonasi dan sebutan yang betul.

Sebenarnya, pembinaan penghayatan drama di sekolah adalah pembinaan minat intelektual. Hal ini tidak dapat dipisahkan daripada mata pelajaran yang lain. Pengajaran penghayatan drama bagaimana pun baiknya, tidak banyak manfaatnya kalau minat

pelajar terhadap keterpelajaran kurang dibina. Penulis berpendapat bahawa pengajaran penghayatan drama harus sudah dimulai diatur sejak daripada sekolah rendah lagi.

Penghayatan drama di sekolah harus diimbangi dengan penyediaan tenaga pengajar yang berpengalaman dan kreatif. Banyak sekolah yang bingung mencari tenaga yang seperti ini. Akibatnya tenaga pengajar yang ada tidak mampu memberikan pendidikan penghayatan drama yang baik. Dalam hal penghayatan drama ini pelajar harus dibawa ke tempat persembahan drama yang baik untuk memberikan galakan dan pengalaman kepada mereka

## **BIBLIOGRAFI**

- Azman Wan Chik, 1980. *Sastera dan Drama dalam Pendidikan, Monograf Pendidikan Bahasa*. Universiti Malaya: Jabatan Pendidikan Bahasa.
- Azman Wan Chik, 1981. *Prinsip dan Kaedah Mengajar Kesusasteraan Melayu*. Kuala Lumpur: Utusan Publications and Distributors.
- Hashim Awang, 1987. *Glosari Mini Kesusasteraan*. Petaling Jaya: Fajar Bakti.
- Kamarudin Husin, 1988. *Kaedah Pengajaran Kesusasteraan*. Petaling Jaya: Fajar Bakti
- Kamarudin Husin, 1998. *Drama dalam Pengajaran Bahasa*. Kuala Lumpur: Kumpulan Budiman Sdn. Bhd.
- Lightwood, Donald, 1974. *Creative Drama for Primary Schools*. Glasgow: Blackie.
- Mana Sikana, 1985. *Tanggapan Sastera*. Kuala Lumpur: Karya Bistari Sdn. Bhd.
- Mana Sikana, 1985. *Esei dan Kritikan Drama*. Bangi. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mc Caslin, Nellie, 1984. *Creative Crama in The Classroom*. New York: Longman.
- Puji Santosa, 1996. *Pengetahuan dan Apresiasi Kesusasteraan*. Flores: Nusa Indah.
- Saparman Bakri, 1982. *Alam Teater*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka